

arca



PERCUMA • ISSN 1825-982X • EDISI 7 • APRIL 2013

Buletin Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak



Sehari Bersama Jabatan Perbendaharaan Negeri



www.treasury.sarawak.gov.my



Nota Penasihat ARCA

Pertama kali saya mengucapkan terima kasih kerana telah diberi mandat untuk menjadi Penasihat ARCA keluaran yang ke-7 ini. Tahniah dan syabas kepada Pasukan Editorial yang diketuai oleh En. Raca Mulong kerana telah bertungkus lumus menjayakan penerbitan ini.

Sepanjang tahun 2012, pelbagai aktiviti telah diadakan dan saya berbangga di atas segala kerjasama yang telah diberikan oleh pegawai Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak (JPNS). Kebanyakan aktiviti adalah memfokuskan dengan memberi pendedahan dan pengetahuan tentang fungsi jabatan kepada pelanggan dan tidak lupa juga kepada pegawai-pegawai kita sendiri. Antara aktiviti yang telah diadakan dengan jayanya ialah:

- Sehari Bersama Perbendaharaan
- Kursus Pemantapan Pengetahuan Dan Kemahiran dalam Perakaunan dan Kewangan Peringkat Zon Utara, Tengah dan Selatan.

Selain itu, usaha kualiti juga amat membanggakan pada 2012 apabila Kumpulan SKIP telah mendapat Johan dalam peringkat Zon, Negeri dan Kebangsaan. Tahniah diucapkan kepada ahli-ahli kumpulan SKIP.

Akhir kata, dengan inisiatif yang telah dilakukan oleh jabatan kita, saya berharap semua pegawai hendaklah berusaha untuk meningkatkan pengetahuan sama ada dalam bidang tugas sendiri, mahupun bidang tugas rakan kita yang lain untuk mencapai objektif JPNS.

HAJAH ELEAN BT HAJI MASA'AT
Penasihat ARCA Merangkap
Timbalan Akauntan Negeri Sarawak

m/s 2	RUANGAN EDITOR
m/s 3 - 4	WAWANCARA BERSAMA Akauntan Negeri Sarawak
m/s 5	HIGHLIGHT Pencapaian JPNS
m/s 6	IMBASAN REFLEKSI 2012
m/s 7 - 12	KRONOLOGI PERISTIWA Jan - Dis 2012
m/s 13 - 16	Pencapaian Prestasi
m/s 18	ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG
m/s 19	ARTIKEL MENARIK
m/s 20	DIARI 2013



Sidang Editorial

Penaung

Jumastapha Bin Lamat
Akauntan Negeri

Penasihat

Hjh. Elean Bt Hj. Masa'at
Timbalan Akauntan Negeri

Ketua Editor

Raca Mulong
Pegawai Tadbir

Juru Foto

Abu Bakar Bin Pet
Pembantu Am

Ahli

Haslinda Bt Abdul Ghani
Akauntan

Khadijah Khaider

Setiausaha Pejabat

Norhalizah Jali

Pem. Tadbir (Kewangan)

Najwa 'Illiani Bt Jahiden

Pem. Tadbir (Kewangan)

Cyrine Tipi

Shreeza Colony

LPKS

Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak
<http://www.treasury.sarawak.gov.my>

Ruangam Editorial 2013

Amanat....

Encik Jumastapha Bin Lamat
Akauntan Negeri Sarawak



Kata Pemangkin dari Akauntan Negeri Sarawak

Assalamualaikum warahmatullahiwabarakatuh, Salam Sejahtera, Salam Satu Malaysia dan Salam Satu Perbendaharaan. Terlebih dahulu kesempatan ini diambil untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada Sidang Redaksi yang diketuai oleh Encik Raca Mulong atas kejayaan penerbitan Majalan ARCA yang ke-7. Ini merupakan manifesto kepada usaha gigih dan kerjasama berpasukan yang mantap mereka untuk penerbitan kali ini. Usaha untuk menerbitkan majalah ARCA merupakan satu langkah yang bijak dan perlu diteruskan kerana majalah ini merupakan satu dokumentasi perjalanan aktiviti-aktiviti dan kecemerlangan yang telah dicapai Jabatan kita. Saya berharap dengan penerbitan ini menjadi titik tolak kepada warga Perbendaharaan untuk terus mengorak langkah memartabatkan Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak ke tahap yang lebih membanggakan seperti di tahun-tahun lalu.

Alhamdulillah kita telah diiktiraf dengan banyak tropi dan sijil pada tahun 2012. Ini bermakna usaha murni warga Perbendaharaan selama ini bukan sekadar mencari kemenangan dalam apa juu pertandingan yang kita ambil bahagian, tetapi yang lebih penting ialah 'output' daripada projek-projek ini adalah praktikal dan menambah daya efisien pejabat kita.

Tahun 2013 sekali lagi menyediakan peluang untuk kita menggapai impian untuk mengeluarkan hasil-hasil yang mampu mengharum nama Jabatan kita. Beberapa rancangan dan projek telah disenaraikan dan akan dilaksanakan. Pegawai-pegawai Kanan kita sudah diberi tugas dan tanggungjawab khas untuk melaksanakan Inisiatif Kualiti seperti Balanced Scorecard (BSC), Employee Suggestion Scheme (ESS), 6P's, Quality Improvement Team (QIT), 5S, Kumpulan Inovatif Kreatif (KIK), Website, Intranet dan sebagainya.

Dasar "Concentrate on what we can do; not what we cannot do" adalah pendekatan kita pada tahun ini. Secara ringkasnya dasar ini membawa maksud, 'janganlah menghadapi tugas kita dengan presepsi ianya satu isu atau masalah yang tidak dapat diselesaikan tetapi anggaplah ianya sesuatu yang mesti ada cara untuk mengatasinya'. Saya bersyukur pegawai jabatan ini dari Ketua Sekysen hingga ke PAR seringkali dapat menyambut cabaran pendekatan ini. Dengan bantuan tuan/puan di Seksyen/Unit masing-masing telah berjaya menyelesaikan banyak masalah di Pejabat kita.

Akhir sekali, saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua warga Perbendaharaan atas kejayaan-kejayaan yang Jabatan kita perolehi. InsyaAllah, kita akan terus cemerlang di tahun 2013 ini.

Sekian, terima kasih.



Pencapaian JPNS 2012

Peringkat Antarabangsa

EXCELLENT AWARD

Kumpulan SKIP dari Ibu Pejabat telah berjaya mendapat Excellent Award dan Anugerah Cemerlang Peringkat Antarabangsa di KLCC.

Peringkat Kebangsaan

ANUGERAH KETUA SETIAUSAHA NEGARA

Kumpulan SKIP telah mendapat Johan Peringkat Kebangsaan Sektor Awam.

AKAUNTABILITI INDEKS

Pencapaian 4 Bintang 2009-2011

Peringkat Negeri

JOHAN SEKTOR AWAM

Kumpulan SKIP telah mendapat Johan bagi peringkat Negeri.

Peringkat Bahagian

JOHAN SEKTOR AWAM

Kumpulan SKIP telah mendapat Johan Bagi peringkat bahagian.

Peringkat Zon

JOHAN SEKTOR AWAM

Kumpulan SKIP telah mendapat Johan bagi peringkat Zon.



Kronologi Peristiwa



Januari

Refleksi 1 Perbendaharaan (Januari 2012)

Tarikh: 11.01.12 di Ruang Iegar Menara Pelita

- AG mengambil kesempatan untuk mengucapkan Selamat Tahun Baru 2012 dan menyampaikan rasa syukur dan syabas kepada semua pegawai atas prestasi jabatan yang amat membanggakan pada tahun 2011 di peringkat Jabatan, Negeri, Negara dan Antarabangsa.
- Penyediaaan Penyata Akaun Awam Negeri Sarawak 2011 adalah selewat-lewatnya Mac 2012.
- Pengumuman perlantikan pengurus beberapa projek-projek khas seperti Key Focus Activity (KFA), Indeks Akauntabiliti, Anugerah Kualiti Ketua Menteri Sarawak 2012 dan Perdana Menteri, KIK dan 5S.

Februari

Istiadat Pengurniaan Darjah-Darjah Kebesaran Negeri Sarawak

Tarikh: 1 - 4.02.12 di Miri Marriot Resort & Spa

Pejabat Yang di-Pertua Negeri Sarawak telah menganjurkan Istiadat Pengurniaan Darjah-Darjah Kebesaran Negeri Sarawak yang telah disempurnakan oleh Yang di-Pertua Negeri bersempena Hari Jadi ke-90 Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak, Tun Datuk Patinggi Abang Haji Muhamad Salahuddin pada 20 September 2011. Setinggi-tinggi tahniah kepada pegawai-pegawai di Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak yang telah menerima Darjah-Darjah dan Pingat-Pingat Kebesaran Negeri Sarawak seperti berikut:

Pingat Perkhidmatan Bakti (PPB)

1. Pn. Hajah Elean Masa'at

Pegawai Bintang Kenyalang (PBK)

1. En. Kusairi Bin Johan

Pingat Perkhidmatan Bakti (PBB)

1. En. Christopher Danan Ak Binjie

2. En. Mohd. Tamin Bin Mohd. Rundu

Pingat Perkhidmatan Terpuji (PPT)

1. Pn. Rine Binti Edin

2. En. Marzuki Ak. Ucheng

3. En. Chan Meng Chiang

4. Pn. Halimah Binti Harip

5. En. Rais Bin Bohri



Taklimat Format Baru Skima Pemarkahan Projek KIK 2012

(Zon Kuching)

Tarikh: 07.02.12
di Bilik Persidangan,
Tingkat 11,
Menara Pelita



Jawatankuasa Kumpulan Inovasi dan Kreatif (KIK) Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak telah mengadakan satu taklimat bagi memperkenalkan format baru skima pemarkahan projek KIK 2012 bagi Zon

- Taklimat disampaikan oleh En. Christopher Danan Binjie selaku Pengerusi Jawatankuasa KIK Jabatan dan En. Judas anak Ligon, fasilitator bagi Kumpulan KIK SKIP 5 Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak.
- Taklimat bertujuan untuk memberi penerangan mengenai proses projek KIK mengikut format dan skima pemarkahan projek KIK yang akan digunakan pada konvensyen peringkat zon pada bulan Mei 2012.
- Seramai 20 kakitangan dari Ibu Pejabat, Perbendaharaan Bahagian Kuching dan Bahagian Samarahan yang merupakan ketua kumpulan dan setiausaha kumpulan KIK masing-masing telah hadir pada sesi taklimat tersebut.

Majlis Ceramah Sempena Maulidur Rasul Tahun 1433H

Tarikh: 17.02.12 di Tingkat 21, Menara Pelita

Persatuan Kebajikan Islam Perbendaharaan Negeri Sarawak (KIPAS) telah menganjurkan ceramah Maulidur Rasul yang telah disampaikan oleh Ustaz Azman Bin Zen selaku penceramah undangan.

Ustaz Azman memberikan penerangan berhubung sirah perjalanan Rasulullah s.a.w. dan menekankan kehidupan masa sekarang yang mana perlu mencontohi Rasulullah s.a.w. dalam menjalani kehidupan hari ini.



Lab Perstruktur Semula Jabatan

Tarikh: 18.02.12 di Hotel Riverside Majestic, Kuching

Satu Lab bagi penyediaan Kertas Kerja Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) untuk penstruktur semula Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak telah diketuai oleh Timbalan Akauntan Negeri Sarawak, Puan Hajah Elean Masa'at.

- Perbincangan secara berkumpulan memberi pendekatan kepada penstruktur semula dengan menyediakan fungsi Seksyen atau Unit baru.
- Pegawai yang terlibat adalah Gred N27 ke atas untuk Pentadbiran dan W32 ke atas untuk Kewangan.



Taklimat Penggunaan Sistem PROACTS

Tarikh: 9 Mac 2012 di Bilik Persidangan Tingkat 11, Menara Pelita

- Satu Taklimat Penggunaan Sistem telah dihadiri seramai 30 'Action Officer' untuk sistem
- Taklimat ini telah disampaikan oleh pegawai SAINS, Encik Thomas Tan Sia Lik.
- Sesi ini juga telah dihadiri oleh 'Action Officer' dari Pejabat Perbendaharaan Bahagian Kuching dan Samarahan.



Majlis Perpisahan Untuk Staf Bersara Dan Berpindah Tugas

Tarikh: 13 Mar 2012 di Tingkat 11, Menara Pelita



Satu majlis perpisahan sebagai tanda penghargaan sempena perpisahan pegawai Perbendaharaan Negeri Sarawak telah disempurnakan oleh Akauntan Negeri Sarawak. Antara pegawai yang akan bersara dan berpindah tugas adalah seperti berikut:

Bersara	
1.	En. Zakeria Bin Embi
2.	Pn. Hatiah Binti Taib
Berpindah Tempat Bertugas	
1.	En. Chebby Bin Loren
2.	Pn. Ammy Suria Bt. Mohamad
3.	En. Abdul Razak Bin Mohamad Dora
4.	Pn. Winnie Ho

Mesyuarat Agong Tahunan ke-35 KESTURI

Tarikh: 29 Mac 2012 di Tingkat 21, Menara Pelita

Kelab Sosial dan Rekreasi Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak telah menganjurkan Mesyuarat Agong ke-35 dan dirasmikan oleh Akauntan Negeri Sarawak selaku penaung kelab.

Ahli KESTURI yang terdiri daripada staf Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak dan Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak. Mesyuarat Agong ini juga bertujuan bagi pemilihan jawatankuasa baru bagi sesi 2012/2013.



Kronologi Peristiwa



Taklimat Ringkas Zakat Pendapatan

Tarikh: 10.04.2012 di Bilik Persidangan, Menara Pelita

Taklimat Ringkas Zakat Pendapatan telah disampaikan oleh Encik Rumzun daripada Baitulmal Sarawak. Sebilangan staf yang beragama Islam telah menyertai taklimat ringkas ini.



Ceramah Integriti

Tarikh: 12.04.2012 di Bilik Persidangan, Menara Pelita

Ceramah Integriti bertajuk Rasuah dan Pecah Amanah disampaikan oleh pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Encik Risham Ismara dan Encik Zamily Ismail

Refleksi 1Perbendaharaan (April 2012)

Tarikh: 19.04.2012



Refleksi 1Perbendaharaan untuk bulan April 2012 telah dihadiri oleh pegawai di ibu pejabat dan wakil daripada Perbendaharaan Bahagian Kuching dan Samarahan.

Akauntan Negeri juga memberikan peringatan kepada semua pegawai berhubung pekeliling SUK agar semua pegawai tidak mempunyai hutang melalui potongan gaji melebihi 60% gaji.

Pekeliling ini juga berdasarkan Perintah Am Kerajaan Negeri.

Bengkel Pemantapan Pengetahuan dan Kemahiran (Zon Utara)

Tarikh: 20-22 April 2012 di Perbendaharaan Bahagian Limbang

Bengkel Pemantapan Pengetahuan dan Kemahiran untuk Zon Utara bagi tahun 2012 dimana kali ini PB Limbang mengalas tugas berat sebagai tuan rumah apabila sesi bengkel juga terlibat dalam mengendalikan pertandingan badminton antara ibu pejabat dan perbendaharaan bahagian untuk zon utara.



Mei



Majlis Sehari Bersama Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak

Tarikh: 12 Mei 2012 di Tebingan Kuching, Sarawak.

Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak (JPNS) telah julung-julung kalinya mengadakan Program Sehari Bersama JPNS. Majlis ini telah disempurnakan perasmianannya oleh Yang Berhormat Tan Sri Datuk Amar Haji Mohamad Morshidi Bin Abdul Ghani, Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak.

Yang Berhormat Tan Sri Datuk Amar Haji Mohamad Morshidi juga telah merasmikan pelancaran produk e-Treasury iaitu i-Salary Portal, e-Borang EC dan Lesen Perdagangan. Acara majlis telah bermula seawal jam 8.00 pagi.

Sekurang-kurangnya 15 agensi telah bersama-sama menjayakan program ini. Antaranya UiTM, Unit Pendaftaran Kontraktor dan Juruperunding, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan Yayasan Sarawak. Para pengunjung juga telah berpeluang untuk membuat pemeriksaan kesihatan di 'booth' oleh Kementerian Kesihatan.

Kanak-kanak juga telah dijemput untuk menyertai pertandingan mewarna bagi tahap 1 dan tahap 2. Seramai 50 penyertaan yang diterima daripada pelbagai umur. Aktiviti taklimat kerjaya juga telah dianjurkan sempena majlis ini. Seramai 300 pelajar telah menghadirkan diri ke sesi taklimat ini.

Berbagai program diadakan bagi menyerikan majlis ini diantaranya adalah dengan menjemput penyanyi AF7 dan AF8 iaitu Aishah dan Daus. Acara dimeriahkan lagi dengan pertandingan kuiz jabatan dan cabutan tiket bertuah bagi pengunjung yang hadir.

Taklimat e-Perakuan

Tarikh: 22.05.2012 di Bilik Persidangan, Menara Pelita

Taklimat e-Perakuan telah dianjurkan oleh Jabatan Ketua Menteri. Semua pegawai daripada Pejabat Residen telah dijemput menghadiri taklimat yang telah disampaikan oleh Puan Saniyah Abdul Kadir dari Jabatan Audit Dalaman.

Jun



Taklimat Fotografi

Tarikh: 14 Jun 2012 di Bilik Persidangan, Menara Pelita

Unit Sumber Manusia telah menganjurkan sesi Taklimat Fotografi pada yang telah disampaikan oleh Encik Simon Bari Ak Barayan dari Unit Hasil, Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak.

Seramai 20 pegawai telah dijemput untuk menghadiri sesi taklimat ini bagi menambahkan pengetahuan dan memupuk minat dalam sesi fotografi.



Kursus Induksi Khusus Sesi 2012

Tarikh: 25-26 Jun 2012 di Penview Hotel

Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak telah menganjurkan Kursus Induksi Khusus yang telah disertai lebih daripada 20 peserta yang terdiri daripada pegawai baru di seluruh bahagian yang telah ditempatkan di Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak.

Julai

Kronologi Peristiwa



Bengkel Pengurusan Tindakan Tatatertib Jabatan

Tarikh: 9-10 Julai 2012

Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak telah mengadakan Bengkel Pengurusan Tindakan Tatatertib Jabatan.

Objektifnya adalah untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran tentang peranan yang perlu dilakukan oleh penyelia bagi mengawal salah laku atau pelanggaran tatatertib yang dilakukan oleh staf di bawah seliaan masing-masing dengan peraturan-peraturan yang telah ditetapkan di dalam Perintah-Perintah Am Perkhidmatan Awam Negeri, 1996 dan Kaedah-Kaedah Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, 1996.

Seramai 29 orang peserta menghadiri bengkel selama 2 hari ini yang terdiri daripada Penolong-penolong Akauntan Negeri, Akauntan-Akauntan di Ibu Pejabat dan Perbendaharaan Bahagian, Pegawai Tadbir dan Penolong-Penolong Pegawai Tadbir.



Ogos

Persatuan Kebajikan Islam Perbendaharaan Negeri Sarawak telah menganjurkan Majlis Berbuka Puasa pada bulan Ramadan yang lepas. Majlis telah disempurnakan dengan perasmian oleh Akauntan Negeri Sarawak, yang dihadiri oleh pegawai-pegawai Perbendaharaan, wakil jabatan serta keluarga.

Majlis Berbuka Puasa KIPAS

Tarikh: 13 Ogos 2012 di Tingkat 1, Menara Pelita



Pertandingan Bowling 10-Pin MAKSAK Sarawak Antara Kelab Gabungan 2012

Tarikh: 29-30 Jun 2012 dan 7-8 Julai 2012 di Riverside, Kuching

MAKSAK Sarawak & Kelab Sukan dengan kerjasama Kelab Sukan dan Rekreasi Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak (KESTURI) telah menganjurkan Pertandingan Bowling 10-Pin MAKSAK Sarawak Antara Kelab Gabungan 2012. Acara ini telah dirasmikan oleh Akauntan Negeri Sarawak. PDRM telah dinobatkan sebagai Juara dalam pertandingan ini.



Majlis Sambutan Bulan Ramadhan

Tarikh: 20.7.2012 di Bilik Persidangan Menara Pelita



Jabatan Perbendaharaan Negeri dengan kerjasama pihak Persatuan Kebajikan Islam Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak telah mengadakan majlis ceramah dan doa arwah sempena menyambut bulan Ramadhan.

Ceramah telah disampaikan oleh Ustaz Keria. Semua pegawai Islam daripada ibu pejabat dan Perbendaharaan Bahagian Kuching serta Samarahan adalah dijemput hadir ke majlis ini.

September

Majlis Ramah Tamah Aidil Fitri 2012

Tarikh: 1 September di Dewan Undangan Negeri Lama, Petra Jaya Kuching



Refleksi 1 Perbendaharaan Bulan September

Tarikh: 27.09.2012 di Ruang Legar Menara Pelita



Perhimpunan bulanan Refleksi 1 Perbendaharaan untuk Bulan September 2012 telah diadakan pada yang lalu. Akauntan Negeri Sarawak dalam perhimpunan kali ini menzahirkan ucapan tahniah beliau atas kenaikan pangkat Puan Hajjah Elean Masa'at ke jawatan Gred W54 secara hakiki dan 3 orang staf Perbendaharaan iaitu Encik Awg Sabli Awg Sulong (PB Bintulu), Encik Goh Jeu Sin (PB Sibu) dan Puan Lau Chin Kei (PB Sibu) yang telah dianugerahkan pingat kebesaran negeri sempena Harijadi TYT pada 8 September 2012 yang lalu.

Kronologi Peristiwa

Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak dan Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri dengan kerjasama KOHAB, KESTURI dan KIPAS telah menganjurkan Majlis Ramah Tamah Aidil Fitri 2012.

Ianya telah diadakan dan telah dirasmikan oleh Tan Sri Datuk Amar Mohamad Morshidi Bin Abdul Ghani dengan upacara memotong pulut kuning. 500 kakitangan hadir bagi memeriahkan majlis ini yang turut disertai oleh Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak dan SGOS.

Gotong Royong Peringkat Ibu Pejabat dan Perbendaharaan Bahagian

Tarikh: 28.09.2012

Jawatankuasa 5S dengan kerjasama Pihak Pengurusan Jabatan telah menganjurkan program gotong royong bagi pembersihan pejabat di Ibu Pejabat dan Perbendaharaan Bahagian.

Semua pegawai di peringkat Ibu Pejabat dan Perbendaharaan Bahagian telah turut serta dalam kerja-kerja pembersihan, penyisihan peralatan dan dokumen dan susun atur peralatan dan dokumen.



Peperiksaan Subjek Jabatan Sesi 2/2012

Tarikh: 5 November 2012 di Pustaka Negeri, Kuching Sarawak

Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak telah menganjurkan Peperiksaan Subjek Jabatan Sesi 2/2012 bagi Pembantu Tadbir (Kewangan), Gred W17 dan Penolong Akauntan (Kewangan), Gred W27. Peperiksaan telah diadakan. Seramai 20 calon peperiksaan yang terdiri daripada 18 orang dari Gred W17 dan 2 orang dari Gred W27.

Calon-calon yang telah menduduki peperiksaan ini adalah daripada Jabatan Kerja Raya, Pejabat Daerah, Jabatan Pertanian, Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak, Pustaka Negeri Sarawak, Bintulu Development Authority, Jabatan Perhutanan, Kementerian Kemudahan Awam, Residen Betong, Kementerian Kerajaan Tempatan dan Pembangunan Komuniti serta Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak.

November





**Anugerah 3 Bintang Bagi Pertandingan KIK
Peringkat Kebangsaan Anjuran MPC**

Tarikh: 14-17.10.2012 di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC).

SKIP5 dan Aspirasi Utara daripada Ibu Pejabat Perbendaharaan Negeri Sarawak dan Pejabat Bahagian Miri telah berjaya mendapat anugerah maksimum 3 Bintang dalam Konvensyen Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) Peringkat Kebangsaan Anjuran MPC. Kumpulan SKIP5 juga berjaya mendapat anugerah 10 kumpulan terbaik bagi sektor perkhidmatan awam.

**SKIP Juara Pertandingan KIK
Perkhidmatan Awam Peringkat Kebangsaan**

Tarikh: 05-07.11.2012 di Langkawi, Kedah

Kumpulan SKIP5 daripada Perbendaharaan Negeri Sarawak telah dinobatkan juara bagi Kategori Pengurusan pada Pertandingan Konvensyen KIK Peringkat Perkhidmatan Awam Peringkat Kebangsaan ke 29.

**SKIP Juara Kategori Pengurusan Konvensyen KIK
Peringkat Negeri Sarawak 2012**

Tarikh: 11-12 Sep 2012 di Hotel Pullman, Kuching

Kumpulan SKIP5 daripada Ibu Pejabat dan Aspirasi Utara daripada Perbendaharaan Bahagian Miri telah berjaya ke peringkat akhir Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak 2012. Kumpulan SKIP5 yang telah dinobatkan JUARA Kategori Pengurusan Konvensyen KIK Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak 2012.

Anugerah Emas Di Konvensyen KIK MPC Wilayah Sabah Sarawak

Tarikh: 11-12 Jul 2012

SYABAS kepada Kumpulan SKIP5 dan Aspirasi Utara yang telah memenangi Emas Dalam Konvensyen KIK MPC Wilayah Sabah Sarawak.

Bicara Bersama.....

EN. CHRISTOPHER DANAN BIN JIE

PEN. AKAUNTAN NEGERI, W48

PENGERUSI KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK)

JABATAN PERBENDAHARAAN NEGERI SARAWAK



Sejarah penubuhan KIK di JPNS

Jawatankuasa Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) yang dikenali sebagai Kumpulan Meningkat Mutu Kerja (KMK) pada masa itu ditubuhkan pada tahun 1998 berdasarkan kepada Pekeliling Kemajuan Perkhidmatan Awam (PKPA Bil 7 Tahun 1991). Pengurus pertama Jawatankuasa tersebut pada masa itu adalah En Wan Mohd Yusop Bin Wan Moss, yang sekarang adalah Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Perumahan Sarawak (HDC). Saya mengambil alih jawatan pengurus daripada beliau dalam tahun 2001 sehingga sekarang.

Penglibatan dalam KIK

Saya telah melibatkan diri dalam KIK secara aktif mulai tahun 2001 semasa saya dilantik menjadi pengurus Jawatankuasa KMK. Pada masa tersebut tanggungjawab saya adalah mengurus dan menyelaras aktiviti KIK jabatan sahaja dan tidak terlibat dalam penubuhan kumpulan kerana keahlian kumpulan cuma melibatkan pegawai dari kumpulan sokongan sahaja seperti PKPA Bil 7 Tahun 1991. Saya melibatkan diri sebagai ahli kumpulan dalam tahun 2010 selepas KMK digantikan dengan KIK selaras dengan Surat Pekeliling KIK Bil 1/2010-Pelaksanaan Kumpulan Inovatif Dan Kreatif Peringkat Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak.

Cabar

Cabar utama yang saya rasakan adalah untuk membentuk satu kumpulan KIK yang mantap, bermaksud bagaimana hendak memastikan setiap perancangan dan hala tuju kumpulan KIK bermula dari tertubuhnya kumpulan serta proses yang dilalui kumpulan tersebut sehingga kumpulan tersebut benar-benar kukuh dan mantap terutama dari segi persempahan, penggunaan alat KIK dan projek kumpulan yang ingin dibawa. Satu perkara yang mesti diambil tahu adalah untuk memastikan format atau kriteria pemarkahan projek KIK tersebut dipenuhi oleh kumpulan KIK. Faktor penggunaan masa yang singkat dengan berkesan juga merupakan satu cabaran. Satu lagi cabaran yang sangat kritikal bagi saya ialah bagaimana 'message' saya sampai kepada ahli kumpulan supaya kumpulan bergerak ke arah yang sama.

Pengalaman

Terlalu banyak rasa. Penglibatan saya dalam KIK secara tidak langsung dapat membantu saya mengurus dan berinteraksi dengan lebih berkesan. Bagi saya setiap peringkat proses KIK telah memberi pengalaman yang berbeza bermula dari peringkat penubuhan kumpulan

sehingga ke peringkat membuat persempahan kumpulan. Semua pengalaman yang saya perolehi dalam penglibatan diri dengan projek KIK telah dapat membantu saya melaksanakan tugas sehari-hari saya di pejabat.

Perancangan dan strategi baru untuk mengembangkan KIK

Perancangan kita dalam masa terdekat ini ialah untuk memastikan sekurang-kurangnya satu kumpulan KIK di jabatan kita akan menyertai konvensyen KIK di setiap peringkat zon yang dijangka akan diadakan pada bulan Mei nanti. Untuk mencapai hasrat tersebut jabatan akan sama ada mengadakan konvensyen KIK jabatan atau JK KIK membuat penilaian berdasarkan criteria yang telah ditetapkan.

Strategi baru sentiasa ada, malah kita tiap-tiap tahun memang membuat perubahan terhadap pendekatan yang kita ambil semasa menyiapkan projek sehingga ke peringkat membuat persempahan. Alat-alat KIK digunakan sebagai kaedah mahupun pendekatan yang digunakan untuk melangkah ke tahap yang lebih tinggi. Kita menggunakan pendekatan belajar dari kesilapan disamping menggunakan alat-alat KIK yang baru dalam menyiapkan projek KIK kita.

Hala Tuju Projek KIK

Berbalik kepada objektif penubuhan JK KIK jabatan kita, setiap projek KIK yang dilaksanakan hendaklah berpaksikan kepada satu kaedah yang dapat membantu jabatan menyelesaikan masalah dan mempercepatkan suatu proses kerja disamping mempertingkatkan sistem penyampaian yang lebih berkesan serta dinilai tahap pencapaianannya. Ini dilakukan dengan cara kerja berpasukan disamping menggalakkan amalan budaya kerja yang kreatif dan berinovatif.

Akhirkata

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak pengurusan jabatan terutama sekali Akauntan Negeri Sarawak, Encik Jumastapha Bin Lamat kerana sokongan penuh yang beliau berikan disamping tunjuk ajar dan nasihat yang sangat berguna. Bagi saya tanpa sokongan padu pihak pengurusan kita tidak akan mencapai kejayaan seperti yang kita perolehi sekarang. Dan tidak lupa juga semua ahli kumpulan KIK jabatan kita yang telah bertungkus lumus menyiapkan projek KIK masing-masing.

PENCAPAIAN KIK

Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak

2007

Naib Johan Peringkat Negeri Sektor Awam

2009

Naib Johan Peringkat Negeri Sektor Awam

2010

Johan Peringkat Zon dan Negeri

Sektor Awam

Anugerah Emas Peringkat Wilayah (MPC)

Anugerah Emas 3 Bintang/ 10 Kumpulan Terbaik

Peringkat Kebangsaan (MPC)

2011

Naib Johan Peringkat Zon Sektor Awam

Anugerah Emas Peringkat Wilayah (MPC)

Anugerah Emas 3 Bintang/ 10 Kumpulan Terbaik

Peringkat Kebangsaan (MPC)

Anugerah Cemerlang Peringkat Antarabangsa di Yokohama, Jepun

2012

Johan Peringkat Zon dan Negeri

Sektor Awam

Johan Peringkat Kebangsaan Sektor Awam

(ANUGERAH KETUA SETIAUSAHA NEGARA)

Anugerah Emas Peringkat Wilayah (MPC)

Anugerah Emas 3 Bintang/ 10 Kumpulan Terbaik

Peringkat Kebangsaan (MPC)

Anugerah Cemerlang Peringkat Antarabangsa di KLCC

Kita juga akan bertanding mewakili Malaysia ke Konvensyen ICQCC peringkat antarabangsa yang akan diadakan di Taiwan pada tahun 2013.



Tahukah Anda ???

Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak Telah Memperoleh 4 Bintang 3 Tahun berturut-turut Tahniah diucapkan kepada Ahli Jawatan Kuasa Indeks Akauntabiliti JPNS di atas usaha mengekalkan prestasi cemerlang tersebut.

TAHUN	2009	2010	2011
Bintang	4	4	4
Markah	90.87	91.33	94.17
Kedudukan (Sarawak)	1	1	1

Selamat Bersara..

William Minggu Ak Joseph

PB Sarikei (02.08.1976-12.12.2013)



Pertama sekali, jika encik tidak keberatan. Bolehkah encik menceritakan sedikit sebanyak tentang latar belakang diri dan keluarga encik?

Saya dilahirkan pada 12.12.1957 di Daerah Meradong, Bintangor. Saya hanya mempunyai seorang adik lelaki. Saya belajar sampai ke Tingkatan 2 (Dari Tahun 1964-1971). Pada Tahun 1979, saya telah berkahwin dengan Rose Sunta Adin dan dikurniakan seorang anak lelaki dan sehingga kini saya mempunyai 2 orang cucu.

Sila ceritakan tentang latar belakang perkhidmatan encik di Jabatan Kerajaan Negeri Sarawak?

Saya telah berkhidmat selama lebih kurang 36 tahun di dalam Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak sejak 02.08.1976. Pada tarikh berkenaan saya mula bertugas di Jabatan Perbendaharaan Negeri Bahagian Sarikei, sebagai Pembantu Am Rendah/N1 dengan gaji permulaan lebih kurang Rm180.00. Dalam tempoh perkhidmatan tersebut saya telah melepas Tahap Kompetensi (80-100) dalam Peperiksaan Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) Tahun 2003. Saya juga telah menerima

Pingat Perkhidmatan Setia dari Kerajaan Negeri Sarawak pada Tahun 2005. Untuk makluman sepanjang 36 tahun berkenaan saya hanya berkhidmat di Perbendaharaan Negeri Bahagian Sarikei sahaja. Saya telah berkhidmat di bawah 6 orang Akauntan Bahagian.

Boleh ceritakan serba sedikit tentang perbezaan antara Perbendaharaan Negeri pada masa kini dengan pada masa yang lalu.

Pada mula saya bekerja dahulu kakitangan di PB Sarikei hanya 6 orang diketuai oleh seorang Pegawai Akaun Kanan (Senior Accounting Officer). Mulai tahun 1997, PB Sarikei telah diketuai oleh Akauntan Bahagian. Akauntan Bahagian Sarikei yang pertama adalah Puan Saniah Abdul Kadir yang sekarang ini telah bertugas sebagai Juruaudit di Jabatan Ketua Menteri.

Pada masa dahulu, kesemua tugas dilakukan secara manual. Tiada sistem berkomputer pada masa itu. Semuanya dilakukan dengan menggunakan mesin taip. Semua pembayaran dilakukan dalam bentuk tunai. Namun sekarang semuanya telah jauh berubah. Kesemuanya telah menggunakan komputer. Tugasan dapat dilakukan dengan lebih mudah.

Jasamu Dikenang..

William Minggu Ak Joseph

PB Sarikei (02.08.1976-12.12.2013)



Sebagai orang lama di Jabatan Kerajaan Negeri Sarawak, apakah nasihat serta harapan encik yang ingin disampaikan kepada semua penjawat awam sekarang?

Nasihat saya kepada semua rakan-rakan agar bekerja bersungguh-sungguh dan bertanggungjawap dalam semua tugas dan kerja yang telah diamanahkan. Gunakanlah semua pengalaman yang ada pada kita untuk lebih berusaha dalam bekerja. Jujur serta ikhlas semasa bertugas. Hormat menghormati sesama rakan bekerja tidak kira umur, agama dan bangsa, terutamanya kepada pegawai atasan atau Ketua Jabatan. Dan juga sentiasa berdisiplin dan cekap semasa menjalankan tugas dan sebagainya.

Kepada rakan setugas saya di Jabatan Perbendaharan Sarikei, bekerjalah dengan baik dan bersungguh-sungguh, jujur, amanah, ikhlas, hormatilah diri sendiri dan rakan seperjuangan yang lain.

Harapan saya semoga Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak dapat mencapai visi kita iaitu menjadi Jabatan Perbendaharaan contoh sektor awam di Malaysia dan semoga maju jaya.

Apakah rancangan encik selepas encik bersara kelak?

Selepas bersara kelak saya merancang untuk bermiaga secara kecil-kecilan dengan menubuhkan Kedai Runcit di sekitar kediaman saya di Skim B Meradong dan juga menternak ayam kampung dan ikan dalam kolam memandangkan terdapat permintaan yang agak tinggi untuk kedua-dua ternakan tersebut.

PENERIMA AUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) JABATAN PERBENDAHARAAN NEGERI SARAWAK TAHUN 2011



**HAJAH ELEAN
BT. MASA'AT**
(Seksyen Akaun)



**RABIAH BT.
ZAIDAN**
(PB Kuching)



**JUDAS AK.
LIGON**
(PB Samarahan)



**KAMALUDIN
B. BUSRAH**
(Unit Pentadbiran & Sumber Manusia)



**KHADIJAH BT.
KHAIDER**
(Unit Pentadbiran & Sumber Manusia)



**RINA HERIANTI
BT. JAMIL**
(Seksyen Akaun)



**JITAR AK.
NAWAI**
(PB Limbang)



**LAU
NGIONG HEE**
(PB Kapit)



**JAMAIAH
BT. LEK**
(Seksyen Kewangan)



**FARYDAH BT.
ZAWAWI**
(PB Miri)



**BOSSLY
B. JEMALI**
(Unit Perancangan)



**MIMAH
BT. JAMAL**
(PB Samarahan)



**NAJWA 'ILLIANI
BT. JAHIDEN**
(Seksyen Inspektorat)



**NURKASMAWA
TI BT. ABU
HASSAN**
(PB Sibu)



**DYG
HAMSIAH
BT. ABG
AEROWAINI**
(Seksyen Kewangan)



**ANNIE BT.
HEN**
(PB Mukah)



**SALINA BT.
SAHARI**
(PB Kuching)



**WENDY AK.
ROSE SUNTA
JULIUS ATANG
AK. ADIN**
(PB Sri Aman)



**JUGOK AK.
INGAN**
(PB Bintulu)

Artikel Menarik

Kepentingan kerja berpasukan (teamwork)

Sama ada di tempat kerja atau di padang bola sepak, atau walaupun di kalangan ahli masyarakat, kerja berpasukan yang berkesan boleh menghasilkan keputusan yang luar biasa. Walau bagaimanapun, bekerja dengan jayanya sebagai satu pasukan tidak mudah kerana ia mungkin kelihatan. Berkesan kerja berpasukan sudah tentu tidak hanya berlaku secara automatik, ia mengambil banyak kerja keras dan kompromi. Terdapat beberapa faktor yang perlu berada di tempat mencapai paduan bersama-sama sebagai satu pasukan dan bekerja dengan lancar.

- **Baik kepimpinan:** kepimpinan yang efektif adalah salah satu komponen yang paling penting kerjasama yang baik. Pemimpin pasukan perlu mempunyai kemahiran untuk mewujudkan dan mengekalkan persekitaran kerja yang positif dan



memberi motivasi dan inspirasi ahli-ahli pasukan untuk mengambil pendekatan yang positif untuk bekerja dan sangat komited. Pemimpin pasukan yang berkesan akan menggalakkan tahap moral dan membuat mereka merasa disokong dan dihargai.

- **Komunikasi Jelas:** Komunikasi adalah faktor penting interaksi semua interpersonal dan terutamanya bahawa satu pasukan. Ahli pasukan mesti berupaya untuk menyuarakan perasaan mereka, menyatakan rancangan dan matlamat, berkongsi idea dan melihat pandangan masing-masing.

- **Mewujudkan peranan:** Ia sememangnya perlu untuk ahli-ahli pasukan untuk memahami peranan mereka dalam pasukan, apa yang dia / dia bertanggungjawab. Ketua pasukan boleh membolehkan ini



dengan mendefinisikan maksud dalam cara yang jelas dalam awal pembentukan pasukan.

• **Resolusi Konflik:** Konflik akan timbul tidak kira bagaimana rakan fungsi pasukan bersama-sama. Cara terbaik untuk menangani konflik adalah untuk mempunyai kaedah berstruktur penyelesaian konflik. Ahli pasukan hendaklah mampu untuk menyuarakan kebimbangan mereka tanpa rasa takut orang lain yang bersalah. Sebaliknya mengelakkan isu-isu konflik, pendekatan hands-on yang membuat ketetapan mereka dengan cepat adalah lebih baik. Ia sering dinasihatkan bahawa ketua pasukan duduk dengan pihak-pihak yang bercanggah dan membantu menyelesaikan perselisihan mereka tanpa mengambil sisi dan cuba untuk kekal objektif jika boleh.

• **Tetapkan satu contoh yang baik:** ketua pasukan mesti menunjukkan contoh yang baik untuk kerjasama yang baik untuk datang kira-kira. Untuk memastikan ahli pasukan yang positif dan komited dan bermotivasi, ketua pasukan sendiri / sendiri perlu memamerkan kualiti ini. Pasukan melihat kepada pemimpin atas sokongan dan bimbingan supaya mana-mana negatif di pihak pemimpin boleh membinasakan.

Tanpa mengira apa jenis kerjaya anda, anda satu hari nanti mungkin akan diminta untuk menjadi sebahagian daripada satu pasukan, dan mengetahui bagaimana untuk bekerja dengan efektif dan dengan sebuah pasukan yang akan menjadi penting untuk kejayaan anda dan pasukan anda.



7 Langkah Meningkatkan & Memantapkan Keyakinan Diri

Untuk edisi kali ini, ARCA akan berkongsi 7 langkah untuk meningkatkan dan memantapkan keyakinan diri anda.

1. Bina Paradigma dan Prinsip Hidup yang Mantap

Benteng semangat juang ialah moto diri atau falsafah hidup seseorang. Moto atau falsafah hidup adalah pegangan, prinsip atau pendirian yang dijadikan sebagai asas panduan mencapai kejayaan. Antara moto hidup atau peribahasa yang diterima oleh masyarakat kita ialah seperti: "Belakang parang kalau diasah lagikan tajam" (Biar bodoh sekalipun kalau belajar bersungguh-sungguh, nescaya akan menjadi pandai juga.) Atau, "Genggam bara api biar sampai jadi arang" atau "Alang-alang menyeluk pekasam biar sampai ke pangkal lengan", atau "Kalau tidak dipecahkan royong, manakan dapat sagunya" yang bermaksud menyuruh kita membuat sesuatu pekerjaan dengan sabar dan cekal sehingga berjaya. Lebih banyak kata-kata motivasi atau pembangkit semangat yang anda dapat tanamkan pada diri anda, akan lebih teguhlah pendirian anda dan lebih yakin pulalah anda terhadap kemampuan serta potensi diri anda. Insya-Allah.

2. Kenalpasti dan Tetapkan Matlamat & Halatuju Hidup

Seseorang yang tidak mempunyai matlamat hidup yang jelas seolah-olah meniti kehidupannya dalam keadaan gelap yang tidak pasti akan ke mana sampainya.

Agar anda lebih yakin pada diri anda binalah matlamat dan hajatuju kehidupan anda secara bertulis.

Nyatakan apakah tujuan hidup atau matlamat jangka panjang anda dengan jelas. Untuk matlamat-matlamat jangka pendek atau sederhana, anda hendaklah tetapkan tarikh bila matlamat atau matlamat-matlamat anda itu anda harus capai.

3. Bina Pelan Tindakan Kejayaan Diri

Setelah anda sudah membina matlamat-matlamat yang jelas dan mantap serta moto-moto hidup yang hebat, anda hendaklah membuat pula pelan tindakan kejayaan diri secara bertulis.

Dengan adanya perancangan kejayaan diri anda secara bertulis, anda akan sentiasa dapat merujuk pelan tindakan anda, memperbaiki atau mengubahnya mengikut keperluan.

4. Sentiasa Tingkatkan Ilmu Pengetahuan, Pengalaman serta Pendedahan.

Dengan sentiasa meningkatkan ilmu pengetahuan, bukan sahaja anda akan dapat mengikuti atau mengetahui perkara-perkara baru atau isu-isu semasa malah anda akan dapat pula menggunakan pengetahuan atau ilmu-ilmu baru itu untuk meningkatkan lagi keupayaan anda menangani cabaran-cabaran semasa.

Pelbagai cara yang anda boleh lakukan untuk mendapatkan ilmu baru. Antaranya adalah seperti membaca buku-buku, membaca artikel-artikel, menghadiri kursus atau seminar, bertukar-tukar pendapat dengan rakan-rakan, membuat lawatan sambil belajar, mengikuti latihan praktikal dan banyak lagi.

5. Tingkatkan Kemahiran Diri

Anda akan lebih yakin diri apabila anda mempunyai kemahiran yang tinggi atau secukupnya dalam melakukan sesuatu kerja.

Sebagai contoh, salah satu sebab mengapa ramai orang yang sangat takut apabila diminta bercakap di hadapan penonton ialah kerana



belum adanya atau cukupnya kemahiran seseorang itu bercakap di hadapan audiens.

Salah satu cara berkesan untuk mengatasi kegugupan, ketakutan atau ketidakyakinan itu ialah dengan cara mempelajari secara bersungguh-sungguh setiap aspek tentang pengucapan awam disamping membuat seberapa banyak latihan berucap sehinggalah kemahiran pengucapan awam itu dapat dikuasai dan menjadi sebat pada diri.

Ini dengan sendirinya akan meningkatkan serta memantapkan keyakinan diri anda.

6. Amalkan Keteraturan dan Kesiapsiagaan

Biasanya kita akan merasa risau atau rasa tertekan apabila khidmat kita diperlukan secara tiba-tiba dalam keadaan kita tidak atau kurang bersedia. Antara contoh situasi seperti ini ialah kes dimana seorang pelajar yang hanya mula menelaah pelajaran di saat-saat akhir. Dalam keadaan begini, biasanya pelajar akan mengalami kegusaran dan ketidakyakinan akan menyelubungi dirinya. Suasana begini juga juga boleh berlaku kepada pekerja-pekerja yang mempunyai amalan kurang baik iaitu suka menangguh-nangguhkan kerja.

Untuk mengelakkan daripada keadaan negatif seperti itu, kita mestilah menerapkan pada diri kita amalan pengurusan masa dan diri yang baik. Amalan proaktif juga haruslah ditanamkan iaitu dengan sentiasa memastikan tempat kerja dan kerja diatur dengan sistematik, sentiasa membuat persiapan dan pemantauan untuk memastikan diri kita sentiasa bersedia dan dapat bertindak balas dengan pantas dan cekap setiap kali khidmat kita dikehendaki.

7. Jaga Kualiti Kesihatan, Kecergasan & Ketrampilan Diri

Kesihatan diri kita amat berkait rapat dengan keyakinan diri. Jika kesihatan diri kita baik, badan kita juga sudah tentunya lebih cergas. Jika kurang sihat atau sakit-sakit, badan kita akan lemah, fikiran jadi kusut dan kurang bermaya. Keadaan begini boleh menjadikan keyakinan diri kita.

Antara perkara-perkara yang mesti kita lakukan secara berterusan untuk memastikan kesihatan diri kita sentiasa baik ialah dengan menjaga pemakanan kita, sentiasa cukup tidur (7-9) jam sehari, mengamalkan pergerakan badan / senaman setiap hari (10 minit - 2 Jam), membuat pemeriksaan kesihatan diri serta mendapat rawatan perubatan bila-bila masa ada kesakitan.

Selain itu, menjaga penampilan diri juga amat penting untuk memastikan diri kita sentiasa berasa yakin, sihat dan cergas.

Kesimpulan

Dengan langkah-langkah di atas dapat anda tanamkan pada diri anda, ARCA yakin bukan sahaja anda lebih yakin pada diri anda sendiri malah anda akan lebih produktif, lebih gembira, lebih berjaya serta lebih berketrampilan dan menarik disamping akan menjadi contoh teladan yang cemerlang kepada orang lain pula. Insya-Allah.

Ditulis oleh Taidin Suhaimin, 18 April 2011

Diairi 2013

Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak

JANUARI	FEBRUARI	MAC
<ul style="list-style-type: none"> • Ceramah Inovasi 	<ul style="list-style-type: none"> • Agenda Perbendaharaan 2013 • Sarawak Civil Service 10 - 20 	<ul style="list-style-type: none"> • Bengkel Peringkat Zon Selatan • Kursus Pengurusan Aset Alih • Lawatan Kualiti SS
APRIL	MEI	JUN
<ul style="list-style-type: none"> • Bengkel Peringkat Zon Tengah • Bengkel Tatacara Prosedur Tender • Rakan Perbendaharaan 	<ul style="list-style-type: none"> • Bengkel Peringkat Zon Utara • Kelas Bimbingan Subjek Jabatan 1/13 	<ul style="list-style-type: none"> • Randau 2013 • Kursus Induksi Khusus 2013
JULAI	OGOS	SEPTEMBER
<ul style="list-style-type: none"> • Taklimat Puasa 	<ul style="list-style-type: none"> • Taklimat Kesihatan 	<ul style="list-style-type: none"> • Ceramah & Fungsi SUHAKAM
OKTOBER	NOVEMBER	DISEMBER
<ul style="list-style-type: none"> • Kelas Bimbingan Subjek Jabatan 2/13 	<ul style="list-style-type: none"> • Agenda Perbendaharaan 2014 	<ul style="list-style-type: none"> • Taklimat Kesihatan